

Kerusi hitam bertukar putih

BN Sarawak diramal tiada masalah besar untuk ulangi kejayaan cemerlang

BH - 20/05/2006

Pilihan Raya DUN Sarawak

Oleh Kadir Dikoh, Mohd Yusuf Bakar, Misiah Taib, Matzidi Dris dan Kandau Sidi

KUCHING: Selepas berkempen selama 11 hari sejak penamaan calon 9 Mei lalu, kini semua 156 calon yang bertanding bagi merebut baki 69 kerusi selepas dua dimenangi Barisan Nasional (BN) tanpa dicabar, menunggu keputusan pilihan raya negeri kesembilan, malam ini dengan penuh debaran.

Berdasarkan perkembangan sehingga semalam, BN negeri diketuai Tan Sri Abdul Taib Mahmud dijangka tidak menghadapi masalah besar untuk mengulangi kejayaan cemerlang.

Malah, beberapa kerusi 'panas' yang dikategorikan sebagai 'hitam' kini sudah bertukar 'kelabu' dan seterusnya menjadi 'putih'.

Hitam membawa maksud calon BN menghadapi masalah atau kubu kuat pembangkang, kelabu sokongan untuk pembangkang semakin berkurangan dan putih, kawasan selamat BN.

Itulah tiga kategori diguna pakai bukan saja di bilik operasi calon BN malah pembangkang.


Jika makin banyak kawasan hitam bertukar kelabu dan putih, sudah pasti BN bersiap sedia mengulangi kejayaan gemilang seperti pada pilihan raya negeri lalu.

Ini hadiah paling berharga bagi Abdul Taib yang menyambut hari jadi ke-71 esok. Ini pilihan raya negeri keenam bagi beliau sejak menerajui Sarawak pada 1981.

Namun, persoalannya ialah mampukah BN negeri yang dianggotai empat parti komponen mengekalkan 'status quo' seperti sebelum Dewan Undangan Negeri (DUN) dibubarkan selain memenangi semua sembilan kerusi baru?

Sebelum pembubaran DUN baru-baru ini, BN negeri menguasai 61 daripada jumlah 62 kerusi dengan kerusi tunggal pembangkang daripada DAP. Pada pilihan raya negeri lalu, BN cuma tewas dua kerusi iaitu di Kidurong (Bintulu) kepada DAP dan kerusi Meluan di Bahagian Sarikei kepada calon Bebas.

Bagaimanapun, calon Bebas terbaik, Wong Judat kemudian menyertai BN menerusi Parti Progresif Bersatu Sarawak (SPDP) dan kini dicalonkan semula mempertahankan kerusi itu dengan dicabar dua calon lain, ma-



PROJEK RAKYAT: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengendalikan jentera untuk menanam cerucuk pada upacara memulakan kerja pembinaan Masjid Daerah Simunjan, semalam sambil diperhati Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak, Datuk Putit Mat Zin dan calon BN bagi kawasan Simunjan, Mohd Naroden Majais. (dua dari kanan)

sing-masing Bebas dan Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP).

Kebetulan ketiga-tiga calon itu, mempunyai sejarah pertalian keluarga dan kerusi Meluan dianggap menarik perhatian.

Kini, Sarawak mempunyai 71 kerusi berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya yang dilakukan setiap 10 tahun, iaitu negeri yang paling banyak kerusi berbanding Sabah (60), Perak (59) dan 56 masing-masing bagi Johor serta Selangor.

Perhatian turut diberikan kepada Kidurong iaitu kerusi yang 'tidak menentu' arah apabila kerap bertukar tangan antara BN dan DAP sejak ia diwujudkan pada 1991.

Michael Sim yang mewakili BN daripada Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) menewaskan calon DAP, Chiew Chiu Sing pada 1991 dengan majoriti hanya 41 undi tetapi pada 1996, Wong Si Ai (DAP) menewaskan Sim.

Dalam pilihan raya kecil setahun kemudian, BN menerusi Sim berjaya merampas semula kerusi itu tetapi pada pilihan raya negeri 2001, Sim gagal mempertahankannya apabila tewas kepada Chiew dengan 143 un-

di.

Bagaimanapun, Kidurong dikatakan masih berada dalam kategori 'hitam'.

Dua lagi kerusi ditandingi BN daripada SUPP yang menerima tentangan hebat DAP adalah Bukit Assek di Sibu dan Meradong di Bahagian Sarikei, juga masih berada dalam kategori hitam.

Calon BN, Daniel Ngieng, 55, dicabar Pengerusi DAP Sarawak, Richard Wong Ho Leng, 45. Wong pernah digelar *giant killer* pada 1996 apabila menewaskan Timbalan Ketua Menteri merangkap Pengerusi SUPP ketika itu, Tan Sri Dr Wong Soon Kai.

Dr Wong yang pernah dianggap Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai pelajar pintar ketika sama-sama menuntut di Universiti Malaya di Singapura, dikatakan tewas berikutan kegiatan perjudian, trend sama yang dilaporkan turut berlaku kali ini.

Di Meradong, dua gadis iaitu Wong Zee Yeng, 26, (BN) dicabar hebat calon DAP, Ting Tze Fui, 25, serta tiga calon Bebas. Masalah dalam SUPP dijangka memecahkan undi masyarakat Cina (51 peratus)

sehingga semua calon berebut meraih sebanyak mungkin undi masyarakat Iban (35 peratus) sebagai penentu kemenangan.

Tumpuan juga diberikan kepada kawasan majoriti pengundi masyarakat Dayak dan antara kerusi yang dijangka sengit adalah dua kerusi baru iaitu Balai Ringin dan Bukit Saban selain Bukit Begunan, Engkilili, Batang Ai, Krian, Meluan, Nge-mah serta Belaga.

BN dicabar hebat oleh calon Bebas (Gabriel Adit) di Nge-mah dan (Stanley Ajang) di Belaga, kedua-duanya penyandang tetapi digugurkan - satu tindakan untuk menguji populariti diri tetapi berkempen dengan mendakwa 'jiwa' mereka masih dalam BN, dan akan kembali ke pangkuan BN jika menang.

Namun, Abdul Taib baru-baru ini menyatakan bahawa pintu BN tertutup untuk calon Bebas.

Di Bukit Begunan, bekas Timbalan Ketua Menteri, Datuk Daniel Tajem yang bertanding atas tiket SNAP berusaha merampas semula kerusi yang ditinggalkannya 10 tahun lalu dengan mencabar anak didik yang juga anak saudaranya, Mong Dagang (BN).

Berdasarkan perkembangan semasa, Bukit Begunan kini dikatakan sudah melepasi kawasan hitam dan kelabu. Sejak kempen bermula, pemimpin BN menumpukan perhatian ke situ dan semalam, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak turut membantu kempen BN di Bukit Begunan dan Balai Ringin.

Bagaimanapun, PBB - parti tulang belakang BN negeri dijangka tidak menghadapi masalah besar memenangi baki 33 kerusi yang ditandingi.

Begitu pun, antara kerusi PBB yang ditentang hebat adalah Semop di Bahagian Sarikei dengan calonnya, Datuk Seri Mohamad Asfia Awang Nasar menghadapi cabaran Dr Noh Saabi dari Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan sehingga semalam dikatakan masih berada dalam kategori kelabu.

Masalah dalaman PBB di Matu-Daro juga menyaksikan calon BN-PBB bagi kerusi DUN Jemoreng, Abu Seman Jahwie menghadapi calon Bebas, Nasaruddin Abdullah (peniaga) yang dijangka turut menarik perhatian.

Setakat ini, belum ada kawasan ditandingi PBB berada dalam kategori hitam terutama cabaran daripada PKR.